



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED UNTUK MENYEDIAKAN PERSEKITARAN PEMBANGUNAN YANG MAMPAN

PUTRAJAYA, 14 November 2024 – Kerajaan pada hari ini bersetuju dan komited untuk menyediakan persekitaran pembangunan yang mampan berdasarkan keputusan-keputusan yang telah dicapai semasa Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-84 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bertempat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur petang ini.

Tujuh (7) kertas telah dibentangkan yang terdiri daripada tiga (3) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri-menteri Persekutuan yang berkaitan, Exco-exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Mesyuarat MNKT merupakan platform perundingan penggubalan dasar dan perundangan berkaitan hal ehwal Kerajaan Tempatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan-keputusan dasar dan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat MNKT akan dibawa untuk perhatian Kerajaan Negeri sebelum ia dilaksanakan di peringkat Kerajaan Tempatan.

MNKT Ke-84 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk menyediakan persekitaran pembangunan yang mampan. Garis panduan ini memudahkan pelaksanaan pembangunan tapak dan taman kenderaan rekreasi dengan lebih terancang dan terkawal serta mematuhi peruntukan perundangan semasa yang berkuat kuasa.

Selain itu, garis panduan ini juga turut menyokong dasar kementerian-kementerian lain seperti Dasar Pelancongan Negara sebagai lokasi pelancongan yang kompetitif dan mampan serta Dasar Automotif Nasional untuk membentuk pembangunan industri automotif secara mampan.

MNKT Ke-84 turut bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Pusat Data bagi menyokong pembangunan infrastruktur digital negara. Garis panduan ini merupakan salah satu (1) inisiatif KPKT untuk menyeragamkan dan memudah cara proses permohonan dan kelulusan perancangan bagi pembangunan pusat data. Garis panduan ini juga turut menyokong *ease of doing business* sama ada di pihak pengusaha atau pihak berkuasa kerana ia melengkapkan keseluruhan ekosistem industri pembangunan pusat data.

Bagi meneruskan pengukuhan hala tuju Malaysia ke arah negara yang mampan, **MNKT Ke-84 telah bersetuju dengan Dasar Landskap Negara (DLN) 2.0** sebagai dokumen dasar utama Kerajaan yang akan dijadikan sebagai panduan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap negara mulai tahun 2025 sehingga tahun 2035. DLN 2.0 juga menjadi rujukan dan panduan perancangan landskap oleh semua pihak berkepentingan khususnya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain itu, **Mesyuarat MNKT Ke-84 turut mengambil maklum mengenai Reformasi Urusan Permit Pembinaan Bagi Melonjakkan Produktiviti**. Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) diperkenalkan bagi mempercepat urusan permit pembinaan bagi melonjakkan produktiviti dan daya saing negara berdasarkan penandaarasan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) di Kulai (*Kulai Fast Lane*) dan Kulim (E10). Oleh itu, semua PBT dan agensi teknikal berkaitan dimohon untuk meneruskan pelaksanaan menyebarkan hasil uji kaji peraturan *Kulai Fast Lane* dan Kulim E10 melalui pendekatan *Industrial Green Lane* di samping menjenamakan inisiatif ini bagi memudahkan promosi insentif kecekapan.

Mesyuarat MNKT Ke-84 juga mengambil maklum mengenai Pelaksanaan Program Jaminan Keselamatan Makanan di Kilang Makanan berhubung keperluan Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) di semua kilang makanan di Malaysia. Program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini adalah bertujuan untuk mematuhi keperluan perundangan, memastikan kawalan keselamatan dan kualiti makanan, seterusnya memberi jaminan makanan selamat kepada pengguna.

Seterusnya, **Mesyuarat MNKT Ke-84 mengambil maklum mengenai Panduan Pemilihan Spesies dan Kaedah Penanaman Pokok Teduhan Pinggiran Jalan Untuk Pihak Berkuasa Tempatan**. Panduan tersebut diterjemahkan menerusi buku *200 Malaysia's Native Trees for Street Planting* yang merupakan nota teknikal perancangan, cadangan reka bentuk dan penanaman pokok teduhan pinggiran jalan. Buku ini telah dilancarkan pada 26 Mei 2024 oleh YB KM dalam Majlis Perasmian Penutupan Forum Perbandaran Hijau (*Green Urban Forum*) 2024 bersempena sambutan Hari Landskap Negara 2024.

Mesyuarat MNKT Ke-84 turut mengambil maklum mengenai Panduan Inisiatif Persekitaran Mesra Kanak-kanak (PEREKA). PEREKA merupakan ikhtiar KPKT bagi

menyediakan satu instrumen rujukan dan kesedaran awam kepada pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin tempatan dan komuniti setempat dalam membangunkan persekitaran sama ada di peringkat kejurangan mahupun perbandaran yang mesra kanak-kanak. Persekitaran yang berkualiti mampu membantu perkembangan kanak-kanak yang sihat, ceria dan bijak seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang berdaya tahan di masa hadapan. Instrumen ini juga adalah selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (*Convention on the Rights of the Child-CRC*) yang memberi tumpuan kepada aspek kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan (*protection*), perkembangan (*development*) dan penyertaan (*participation*).

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/ agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my

